



Submission date: 08/08/2023 Accepted date: 10/09/2023 Published date: 01/10/2023
DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.427>

PERKEMBANGAN, PERANAN DAN SUMBANGAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN WANITA ISLAM DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

The Development, Role & Contribution of Muslim Women's Non-Governmental Organizations in Malaysia: A Preliminary Review

Muhammad Adam Abd. Azid^{a1}, Khairulnazrin Nasir^b,
Rahim Kamarul Zaman^c & Abdul Azib Hussain^d

^aUniversiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

^bKolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Jalan Kuala Krai, Bandar Kota
Bharu, 16010 Kota Bharu, Kelantan

^cUniversiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

^dKolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Jalan Kuala Krai, Bandar Kota
Bharu, 16010 Kota Bharu, Kelantan

¹adamsaifulislam@gmail.com

Abstract

Muslim women's Non-Governmental Organizations (NGOs) are among the NGOs that play an important role in the arena of activism in Malaysia. These organizations are actively engaged in charitable activities and influence government policy particularly related to women's affairs. This study aims to analyze the existence and engagement of Muslim women's NGOs in Malaysia, particularly concerning women's issues. This paper also analyzes the role and contribution of Muslim women's NGOs to women as well as the aspects that need to be improved to strengthen the role of Muslim women's NGOs and ensure their survival in Malaysia. This study applied a qualitative method through library research. Thirteen Muslim women's NGOs were selected as a sample for this study. The study found that there are six main women-related issues that Muslim women's NGOs focus on, namely women's empowerment, rights, welfare, leadership, religion, and education. The findings of this study are important as attention and guidance by Muslim Women's Non-Governmental Organizations, especially the Department of Islamic

Development Malaysia to further strengthen the role of Muslim Women's Non-Governmental Organizations and ensure the continuity of the Muslim women's movement that upholds Islamic Sharia in Malaysia.

Keywords: Women' empowerment; non-governmental organizations; Muslim women; women's issues

Abstrak

Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam juga merupakan antara Pertubuhan Bukan Kerajaan yang turut memainkan peranan penting dalam arena aktivisme di Malaysia. Pertubuhan ini terlibat secara aktif dalam aktiviti kebajikan dan mempengaruhi polisi kerajaan terutama melibatkan hal ehwal wanita. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji keberadaan dan penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di Malaysia terutama melibatkan isu-isu kewanitaan. Kertas kerja ini juga meneliti peranan dan sumbangan pertubuhan ini terhadap kaum wanita serta aspek-aspek yang perlu ditambah baik bagi memperkasakan peranan dan menjamin survival Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan. Sejumlah 13 Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam telah dipilih untuk dijadikan sebagai sampel bagi kajian ini. Analisis mendapati, terdapat enam isu utama berkaitan wanita yang difokuskan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam iaitu isu pemerksaan wanita, hak-hak wanita, kebajikan wanita, kepimpinan wanita, keagamaan wanita dan pendidikan wanita. Hasil kajian ini penting sebagai perhatian dan panduan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam lebih-lebih lagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi memperkasakan lagi peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam serta memastikan kesinambungan gerakan wanita Islam yang memartabatkan syariat Islam di Malaysia.

Kata kunci: Pemerksaan wanita; pertubuhan bukan kerajaan; wanita Islam; isu-isu wanita

PENDAHULUAN

Pertubuhan/Badan Bukan Kerajaan atau NGO (*Non-Governmental Organisation*) merupakan antara entiti yang penting dalam sesebuah negara. Pertubuhan ini pada peringkat awalnya lebih memfokuskan kepada kebajikan dan sosial, kini turut memainkan peranan penting di arena politik dan mempengaruhi dasar kerajaan di kebanyakan negara (Makmor & Robi, 2007). Peranan yang ketara turut dimainkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam pelbagai aspek seperti politik, demokrasi, urustadbir, hak asasi manusia dan lain-lain lagi (Mazlan & Makmor, 2017).

Di Malaysia khususnya, Pertubuhan Bukan Kerajaan mula aktif sejak sebelum kemerdekaan lagi. Hal ini bermula dengan penubuhan beberapa persatuan di Tanah Melayu sejurus selepas penubuhan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826 tetapi dipelopori oleh kaum imigran khususnya kaum Cina (Makmor & Robi, 2007). Pada awal abad ke-20, pertubuhan yang dipelopori oleh kaum Melayu mula menampakkan perkembangan. Hal ini didorong oleh kesedaran kaum Melayu terhadap kemunduran mereka dalam sektor ekonomi dan pendidikan. Antara perintis kepada pertubuhan yang mewakili kepentingan Melayu adalah Kesatuan Melayu Singapura (yang ditubuhkan pada tahun) 1926 (Makmor & Robi, 2007). Selepas merdeka, Pertubuhan Bukan Kerajaan di Malaysia yang sebelumnya bersifat perkauman dan eksklusif telah semakin aktif melibatkan diri dalam kempen untuk mempengaruhi dasar kerajaan dan memantau pelaksanaannya (Makmor & Robi, 2007).

Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam juga merupakan antara Pertubuhan Bukan Kerajaan yang turut tidak ketinggalan untuk terlibat dalam aktivisme di Malaysia. Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam terlibat secara aktif dalam aktiviti kebajikan dan mempengaruhi polisi kerajaan terutama melibatkan hal ehwal wanita. Fokus utama mereka adalah memperjuangkan kebajikan dan hak kaum wanita yang selari dengan syariat Islam. Namun, keberadaan dan sumbangan mereka kurang diperbincangkan kerana dibayangi oleh gerakan feminis tajaan Barat yang lebih menonjol dan mendapat perhatian rentetan daripada kontroversi yang ditimbulkan berkaitan budaya dan agama Islam (Azyati, 2013)

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengkaji keberadaan dan penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di Malaysia terutama melibatkan isu-isu kewanitaan. Hal ini bagi mengetengahkan sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam terhadap kaum wanita serta meneliti aspek-aspek yang perlu ditambah baik bagi memperkasakan peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di Malaysia.

METODOLOGI DAN SKOP KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan yang melibatkan analisis terhadap sumber-sumber rujukan berkaitan kajian. Sejumlah 13 buah Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam telah dipilih sebagai sampel bagi kajian ini. Kriteria pemilihan sampel yang mewakili “Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam” adalah dengan melihat kepada; (i) Syarat keahlian khusus hanya kepada golongan wanita Islam sahaja atau keahliannya lelaki dan wanita, tetapi mempunyai bahagian/cawangan khusus bagi wanita; (ii) Prinsip, matlamat dan aktiviti yang tidak bertentangan dengan syariat Islam; (iii) Keaktifan di lapangan dan media. Pertubuhan Bukan Kerajaan tersebut adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Senarai Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam yang Menjadi Sampel Kajian

No	Nama	Singkatan	Tarikh Ditubuhkan	Media Rasmi
1	Pertubuhan Tindakan Wanita Islam	PERTIWI	17 November 1967	Laman Web: https://pertiwi.org.my/ Facebook: PERTIWI Soup Kitchen
2	Pertubuhan Kebajikan Ihsan Wanita Islam	PERKIWISA	Tiada maklumat	Laman Web: https://perkiwisa.org/ Facebook: Pertubuhan Kebajikan Ihsan Wanita Islam
3	Persatuan Wanita Islam Prihatin	PWIP	29 April 2018	Facebook: Persatuan Wanita Islam Prihatin
4	Pertubuhan MyHawa Malaysia	MyHawa	Tiada Maklumat	Facebook: Myhawa Malaysia
5	Pertubuhan Nisa' Malaysia	NISA'	11 Januari 2010	Laman Web: https://www.nisamalaysia.org/ Facebook: Nisa' Malaysia
6	Wanita Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia	Wanita PERKIM	1980	Laman Web: https://www.perkim.net.my/1-atar-belakang-wanita/ Facebook: Wanita PERKIM Kebangsaan
7	HELWA Angkatan Belia Islam Malaysia	HELWA ABIM Malaysia	6 Ogos 1971	Laman Web: http://www.abim.org.my/ Facebook: HELWA ABIM Malaysia
8	Wanita Pertubuhan IKRAM Malaysia	Wanita IKRAM Malaysia	22 Oktober 2009	Laman Web: http://wanita.ikram.org.my/ Facebook: Wanita IKRAM Malaysia
9	Biro Pertubuhan Himpunan Lepas Pendidikan Malaysia (HALUAN)	HALUANITA	1988	Laman Web: http://www.haluan.org.my/v3/index.php/bersama-haluanita/ Facebook: Haluanita
10	Wanita Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)	Wanita ISMA	1997	Laman Web: wanitaisma.net Facebook: Wanita ISMA
11	International Muslim Women's Union/Pertubuhan Wanita Islam Antarabangsa	IMWU	31 Julai 1996	Laman Web: http://imwumalaysia.org/v1/index.php Facebook: IMWU Malaysia
12	Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia	SALIMAH	Tiada Maklumat	Laman Web: https://www.salimahmalaysia.org/ Facebook: Salimah: Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia
13	International Women's Alliance for Family Institution and Quality Education	WAFIQ	Tiada Maklumat	Laman Web: http://wafiq.my/ Facebook: WAFIQ

Selain itu, ingin dijelaskan di sini juga bahawa data-data yang diperolehi berkaitan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di atas adalah dengan merujuk kepada media rasmi Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam tersebut sama ada laman web atau Facebook rasmi mereka. Laman web dan Facebook rasmi dijadikan rujukan dalam mendapatkan data kajian ini kerana kajian ini dijalankan ketika dalam pandemik COVID-19 yang menghalang pengkaji daripada turun ke lapangan bagi mendapatkan data kajian secara terus. Selain itu, data yang diperolehi sudah mencukupi memandangkan kajian ini berbentuk tinjauan awal, data-data yang dikumpulkan akan menjadi rujukan bagi kajian yang lebih mendalam. Tambahan pula, media sosial termasuk Facebook kini dianggap sebagai salah satu sumber yang berautoriti bagi mendapatkan data kajian (Townsend & Wallace, 2016).

DEFINISI PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN WANITA ISLAM

Walaupun terma “Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam” telah digunakan dalam beberapa kajian terdahulu (Norsolehah, 2018; Muhidin, 2014 & Azyati, 2013), namun, masih belum ada definisi yang konkrit yang boleh diguna pakai bagi merujuk kepada terma “Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam”. Justeru, amat penting untuk diperjelaskan terma “Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam” yang dimaksudkan dalam kajian ini. Bagi menjelaskan maksud terma “Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam”, terlebih dahulu perlu diperjelaskan maksud bagi terma “Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam”. Hal ini kerana, kedua-duanya mempunyai persamaan. Perbezaannya hanyalah, Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam memfokuskan keahliannya hanya kepada wanita sahaja.

Terma “Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam” adalah gabungan dua perkataan iaitu Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Islam. Pertubuhan Bukan Kerajaan adalah singkatan daripada perkataan *Non-Governmental Organisation* atau terjemahannya adalah Pertubuhan Bukan Kerajaan (Joyce M. Hawkins, 2017). Pertubuhan Bukan Kerajaan adalah organisasi yang bertindak secara sukarela, tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik (Azyyati et. al, 2014). Manakala, Islam pula merujuk kepada agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW (Osman Hamzah et. al, 2001). Abdul Karim Zaidan (2002) pula mendefinisikan Islam sebagai ketundukan, penyerahan diri dan kepatuhan kepada Allah SWT.

Terdapat pelbagai definisi dalam kalangan pengaji berkaitan istilah “Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam”. Antaranya, menurut Farahwahida & Norshiela (2009), Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam adalah organisasi yang ditubuhkan bagi mengislahkan masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam yang suci. Manakala, Mohammad Redzuan & Amin (2012) pula

menyatakan Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam adalah Pertubuhan Bukan Kerajaan yang menjadikan Islam sebagai tunjang dan matlamat utama organisasi mereka.

Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam adalah Pertubuhan Bukan Kerajaan yang mempunyai ciri berikut:

- i. Pertubuhan yang bersifat sukarela, tidak bermotifkan keuntungan dan tidak bertujuan politik
- ii. Pertubuhan yang menjadikan Islam sebagai dasar dan matlamat organisasi
- iii. Prinsip, matlamat dan aktiviti pertubuhan yang tidak bertentangan dengan Syariat Islam

Oleh yang demikian, Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam bukan semata-mata Pertubuhan Bukan Kerajaan yang keahliannya hanya khusus kepada golongan wanita Islam sahaja atau keahliannya lelaki dan wanita, atau mempunyai bahagian atau cawangan khusus bagi wanita, tetapi Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita yang melengkapkan ciri-ciri Pertubuhan Bukan Kerajaan Islam di atas.

PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN WANITA ISLAM DI MALAYSIA

Awal Pertumbuhan dan Perkembangan

Keberadaan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di Malaysia telah bermula sejak zaman prapeninjahan Jepun lagi. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan beberapa pertubuhan yang dipelopori oleh wanita Melayu. Umum mengetahui bahawa bangsa Melayu dan agama Islam adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan sehingga Islam dijadikan sebagai salah satu identiti bagi bangsa Melayu (Wan Nor Wan Daud, 2007).

Antaranya adalah, Persekutuan Guru-Guru Perempuan Johor (PGPJ) atau kemudiannya lebih popular dengan nama *Malay Women Teacher's Union (MWTU)* yang ditubuhkan pada tahun 1929 di Johor dan dipimpin oleh Zainun bte Munshi Sulaiman. Penubuhannya adalah hasil daripada kesedaran terhadap keterciciran kanak-kanak, khususnya kanak-kanak perempuan Melayu dalam pendidikan formal. *MWTU* boleh dikatakan sebagai Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Melayu pertama yang bersifat dinamik kegiatannya (Makmor, 2006).

Pertubuhan ini menjadikan ceramah dan penulisan jurnal sebagai wadah bagi menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pendidikan formal kepada wanita dan kanak-kanak Melayu. Selain pendidikan, aspek-aspek moral, agama, hak, tanggungjawab, kekeluargaan dan kesihatan juga turut diketengahkan oleh mereka melalui ceramah dan penulisan jurnal (Makmor, 2006). Kempen-kempen yang dijalankan oleh *MWTU* telah menampakkan perkembangan positif apabila berlaku peningkatan ibubapa Melayu menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah dalam tahun 1930-an (Makmor, 2006).

Selain itu, Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Melayu Islam juga turut memainkan peranan penting dalam menuntut kemerdekaan negara. Antaranya adalah pertubuhan Kaum Ibu. Pertubuhan diasaskan oleh Halimahton Abdul Majid pada Mac 1946 yang dikenali dengan Kaum Ibu Rembau, Negeri Sembilan. Rentetan daripada penubuhannya, turut ditubuhkan pertubuhan-pertubuhan Kaum Ibu yang lain di bandar-bandar utama di Semenanjung Tanah Melayu seperti di Taiping, Kuantan, Melaka, Kuala Krai dan lain-lain lagi (Makmor, 2006). Matlamat pertubuhan-pertubuhan Kaum Ibu ini adalah hampir sama iaitu:

- i. Meningkatkan status wanita dalam masyarakat.
- ii. Menubuhkan kelas-kelas agama untuk meningkatkan perpaduan, kecintaan kepada tanah air dan patriotisme.
- iii. Meningkatkan kadar celik huruf di kalangan wanita.
- iv. Menentang penubuhan *Malayan Union*.

Pada September 1949, sebahagian besar daripada pertubuhan-pertubuhan Kaum Ibu ini kemudiannya telah membentuk pakatan bersama-sama Kaum Ibu *UMNO* bagi meningkatkan status orang-orang Melayu dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu (Makmor, 2006). Manakala, Pertubuhan Bukan Kerajaan terawal yang secara khusus dinamakan dengan “wanita Islam” adalah *Muslim Women’s Welfare Association (MWWA)* yang ditubuhkan pada Oktober 1947 oleh Zahara Mohamed Noor. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk mengetengahkan isu-isu berkaitan dengan amalan diskriminasi terhadap wanita seperti ketidaksamaan hak antara wanita dan lelaki, pengabaian terhadap golongan ibu tunggal, kahwin paksa dalam sebagainya (Makmor, 2006).

Selapas kemerdekaan negara, bilangan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang khusus kepada wanita Islam semakin bertambah. Antaranya, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIIM). Pertubuhan Bukan Kerajaan ini diasaskan oleh Tunku Puan Besar Khursiah (bekas Raja Permaisuri Agung yang pertama) pada Mei 1961 bersama-sama dengan beberapa orang tokoh dan aktivis wanita Melayu yang lain yang bertujuan untuk menyediakan saluran kepada golongan wanita Islam membincangkan masalah mereka, membantu golongan yang kurang bernasib baik dan menyediakan khidmat sokongan kepada pelajar-pelajar dan pekerja perempuan luar bandar yang berpindah ke bandar (Makmor, 2006). Selain melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan, LKPIIM juga turut melobi kerajaan bagi meminda dan memperketatkan undang-undang tentang perkahwinan dan perceraian bagi orang-orang Islam serta meningkatkan peluang pendidikan bagi wanita-wanita Melayu (Makmor, 2006).

Selain itu, bagi memperjuangkan status sosial dan ekonomi wanita Melayu melalui pendidikan, beberapa orang aktivis wanita Islam seperti Aishah Ghani, Azah Aziz,

Zakiah Hanum, Zaleha Jalil dan lain-lain lagi telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Persatuan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) pada tahun 1967. Selain menganjurkan seminar dan menghasilkan bahan-bahan penerbitan bagi mengetengahkan idea mereka, PERTIWI juga turut aktif menyedarkan kaum wanita Islam tentang hak-hak mereka dalam undang-undang keluarga Islam (Makmor, 2006).

Selain daripada itu, Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam juga turut menganggotai gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita di Malaysia seperti *National Council of Women's Organizations (NCWO)* dan telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada pemerksaan wanita di Malaysia (Makmor, 2006). Selain itu, Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam (antaranya Wanita Jemaah Islah Malaysia) juga turut melibatkan diri dalam merangka dokumen *Women's Agenda for Change (WAC)* bersama-sama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita di Malaysia yang lain pada tahun 1990. *WAC* mempunyai 11 perkara utama, antaranya adalah wanita dan pembangunan; wanita, agama dan budaya; wanita dan undang-undang; wanita dan penyertaan demokrasi dan lain-lain lagi (Makmor, 2006).

Sehingga kini, bilangan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam terus bertambah seiring dengan perkembangan kesedaran imansipasi wanita dalam kalangan wanita Islam. Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam tersebut bergiat sama ada dalam mempengaruhi polisi kerajaan atau dalam arena kebajikan. Namun, tidak terdapat data rasmi yang menyebutkan tentang bilangan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di Malaysia. Sebahagian daripadanya telah dipilih dan disebutkan dalam kajian ini.

Kesimpulannya, perkembangan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di Malaysia membuktikan bahawa kesedaran wanita Islam terhadap emansipasi wanita telah berlaku sebelum kemasukan pengaruh feminisme Barat ke Malaysia. Sumbangan yang signifikan telah dicapai oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam dalam memperjuangkan hak dan kebajikan wanita di Malaysia. Walaupun kemasukan pengaruh feminisme Barat sekitar tahun 1980-an turut merancakkan lagi agenda emansipasi wanita di Malaysia, namun begitu, pada masa yang sama turut menimbulkan konflik antara Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita yang mempromosikan ideologi feminisme Barat lantaran ideologi-ideologi feminisme yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Kategori-Kategori Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam di Malaysia

1) Keahlian Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam

Dari aspek keahlian, Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam dapat dikelaskan kepada dua kategori (Nik Safiah, 1990):

- i. Pertubuhan Bukan Kerajaan yang ahli-ahlinya terdiri daripada Wanita Islam sahaja.
 - ii. Pertubuhan Bukan Kerajaan yang ahli-ahlinya terdiri daripada wanita dan juga lelaki tetapi terdapat cawangan, bahagian atau sayap khusus bagi wanita.
- Justeru, j Jadual 2 di bawah adalah pembahagian sampel kajian ini mengikut jenis keahlian bagi Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam:

Jadual 2: Kategori Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam Berdasarkan Jenis Keahlian

Ahli-Ahlinya Terdiri daripada Wanita Islam sahaja	Ahli-Ahlinya Terdiri daripada Wanita dan Lelaki Tetapi Terdapat Cawangan, Bahagian atau Sayap Khusus Bagi Wanita
1. PERTIWI	1. Wanita PERKIM
2. PWIP	2. HELWA ABIM Malaysia
3. PERKIWISA	3. Wanita IKRAM Malaysia
4. MyHawa	4. HALUANITA
5. NISA'	5. Wanita ISMA
6. IMWU	
7. SALIMAH	
8. WAFIQ	

2) Bentuk Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam

Secara umumnya, Pertubuhan Bukan Kerajaan dibahagikan kepada dua bentuk. Pembahagian ini adalah dengan melihat kepada kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan tersebut iaitu Kebajikan (*Operational*) dan Kebajikan (*Campaigning*) NGOs (Willets, 2002). NGO Kebajikan (*Operational NGOs*) adalah pertubuhan yang aktiviti utamanya adakah menjalankan projek-projek pembangunan bagi kumpulan-kumpulan sasarannya atau secara mudahnya kegiatan-kegiatan kebajikan. Manakala, NGO Kempen (*Campaigning NGOs*) pula merujuk kepada pertubuhan yang aktiviti-aktiviti utamanya ialah mempengaruhi proses penggubalan polisi di sesebuah negara atau secara mudahnya kegiatan-kegiatan melobi (Willets, 2002).

Justeru, berdasarkan pembahagian tersebut, berikut adalah pembahagian sampel kajian berdasarkan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan tersebut. Pembahagian ini adalah berdasarkan fokus utama Pertubuhan Bukan Kerajaan tersebut tanpa menafikan sesetengah daripadanya juga terlibat dengan kegiatan-kegiatan selain fokus utamanya sama ada bersifat Operasi (*Operational*) atau Kempen (*Campaigning*):

Jadual 3: Kategori Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam Berdasarkan Kegiatan yang Dijalankan

Kebajikan (<i>Operational NGOs</i>)	Kempen (<i>Campaigning NGOs</i>)
1. PWIP	1. PERTIWI
2. PERKIWISA	2. WAFIQ
3. MyHawa	3. Wanita IKRAM Malaysia
4. NISA'	4. Wanita ISMA
5. SALIMAH	5. IMWU
6. Wanita PERKIM	
7. HELWA ABIM Malaysia	
8. HALUANITA	

PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN WANITA ISLAM DAN ISU-ISU KEWANITAAN DI MALAYSIA

Kategori-Kategori Wanita yang Disasarkan

Golongan wanita yang menjadi sasaran Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam adalah berbeza-beza berdasarkan aspek yang difokuskan. Secara umumnya, aspek-aspek tersebut boleh dibahagikan kepada tiga (3), iaitu umur, status perkahwinan atau status sosial. Tidak dinafikan, terdapat Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam yang memfokuskan kepada golongan wanita secara umum tanpa mengambil kira aspek-aspek yang ada pada golongan wanita termasuk status agama mereka sama ada Islam atau tidak.

Jadual 4: Kategori-Kategori Wanita yang Disasarkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam

No	Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam	Tahap Umur	Status Sosial	Status Perkahwinan
1	PERTIWI	Umum	Umum	Umum
2	PERKIWISA	Umum	Umum	Umum
3	PWIP	Umum	Asnaf	Ibu Tunggal
4	MyHawa	Umum	Umum	Umum
5	NISA'	Belia	Umum	Umum
6	Wanita PERKIM	Umum	Mualaf	Umum
7	HELWA ABIM Malaysia	Umum	Umum	Umum
8	Wanita IKRAM Malaysia	Umum	Umum	Umum
9	HALUANITA	Umum	Umum	Umum
10	Wanita ISMA	Belia	Umum	Umum
11	IMWU	Umum	Umum	Umum
12	SALIMAH	Umum	Umum	Umum
13	WAFIQ	Umum	Umum	Umum

Berdasarkan Jadual 4 di atas, sebahagian besar Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam mensasarkan golongan wanita secara umum tanpa membezakan antara tahap umur, status sosial dan status perkahwinan. Manakala, sebahagian Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam memfokuskan kepada tahap umur tertentu seperti golongan wanita belia, status sosial tertentu seperti golongan wanita asnaf dan mualaf atau status perkahwinan tertentu seperti golongan ibu tunggal. Selain itu, terdapat juga

Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam yang bukan hanya memfokuskan kepada golongan wanita sahaja, bahkan meluaskan skop sasaran mereka kepada golongan-golongan yang lain.

Jadual 5: Golongan Lain dan Status Agama Bagi Sasaran Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam

No	Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam	Golongan Lain yang Menjadi Sasaran	Status Agama Golongan Sasaran
1	PERTIWI	Kanak-Kanak, asnaf dan gelandangan	Islam dan Bukan Islam
2	PERKIWISA	Keluarga & masyarakat	Islam sahaja
3	PWIP	Anak yatim, OKU, asnaf, pelajar, gelandangan & institusi Islam	Islam dan Bukan Islam
4	MyHawa	Umum	Islam dan Bukan Islam
5	NISA'	-	Islam sahaja
6	Wanita PERKIM	Umum	Islam dan Bukan Islam
7	HELWA ABIM Malaysia	Umum	Islam dan Bukan Islam
8	Wanita IKRAM Malaysia	Keluarga & Kanak-Kanak	Islam dan Bukan Islam
9	HALUANITA	Kanak-kanak	Islam sahaja
10	Wanita ISMA	-	Islam sahaja
11	IMWU	-	Islam sahaja
12	SALIMAH	-	Islam sahaja
13	WAFIQ	-	Islam dan Bukan Islam

Berdasarkan Jadual 5 di atas, selain memfokuskan kepada golongan wanita, Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam juga turut memberi perhatian kepada golongan yang lain seperti kanak-kanak, OKU, anak yatim, asnaf, gelandangan dan lain-lain lagi, bahkan sebahagian daripadanya mensasarkan kepada semua golongan secara umum yang memerlukan khidmat daripada mereka. Selain itu, aspek positif yang wujud pada Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam ini juga adalah sebahagian daripada mereka tidak hanya memberi khidmat kepada golongan beragama Islam sahaja, malah golongan bukan Islam juga turut memperolehi manfaat daripada servis yang disediakan oleh mereka.

Isu-Isu Kewanitaan yang Difokuskan

Secara umumnya, terdapat pelbagai isu-isu kewanitaan yang menjadi fokus kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam. Berikut adalah isu-isu utama yang difokuskan oleh setiap Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam:

Jadual 6: Isu-Isu Kewanitaan yang Difokuskan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam

No	Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam	Isu-Isu Kewanitaan yang Difokuskan
1	PERTIWI	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemerkasaan wanita ii. Hak-hak wanita iii. Pendidikan
2	PERKIWISA	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemerkasaan wanita
3	PWIP	<ul style="list-style-type: none"> i. Kebajikan
4	MyHawa	<ul style="list-style-type: none"> i. Keagamaan
5	NISA'	<ul style="list-style-type: none"> i. Keagamaan ii. Kebajikan iii. Hak-hak wanita
6	Wanita PERKIM	<ul style="list-style-type: none"> i. Keagamaan ii. Kebajikan
7	HELWA ABIM Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemerkasaan wanita ii. Hak-hak wanita iii. Keagamaan iv. Kepimpinan
8	Wanita IKRAM Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> i. Hak-hak wanita ii. Keagamaan iii. Kepimpinan
9	HALUANITA	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemerkasaan Wanita ii. Kepimpinan iii. Kebajikan
10	Wanita ISMA	<ul style="list-style-type: none"> i. Kepimpinan
11	IMWU	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemerkasaan Wanita ii. Hak-hak wanita
12	SALIMAH	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemerkasaan wanita ii. Keagamaan iii. Pendidikan
13	WAFIQ	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemerkasaan wanita ii. Hak-hak wanita

Berdasarkan Jadual 6 di atas, terdapat enam (6) isu utama berkaitan wanita yang difokuskan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam iaitu isu pemerkasaan wanita, hak-hak wanita, kebajikan wanita, kepimpinan wanita, keagamaan wanita dan pendidikan wanita. Daripada isu-isu kewanitaan tersebut, isu pemerkasaan wanita, hak-hak wanita, keagamaan dan kebajikan merupakan antara isu yang menjadi fokus bagi kebanyakan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam.

Pendekatan-Pendekatan yang Digunakan

Setiap Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam mempunyai pendekatan-pendekatan tersendiri bagi melaksanakan matlamat mereka. Berikut adalah pendekatan-pendekatan yang diambil oleh setiap Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam bagi mengetengahkan dan memperjuangkan isu-isu kewanitaan:

Jadual 7: Pendekatan dan Mengetengahkan dan Memperjuangkan Isu-Isu Kewanitaan

No	Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam	Pendekatan dalam Mengetengahkan dan Memperjuangkan Isu-Isu Kewanitaan
1	PERTIWI	<ul style="list-style-type: none"> i. Kempen ii. Aktiviti kebajikan
2	PERKIWISA	<ul style="list-style-type: none"> i. Aktiviti kebajikan ii. Motivasi
3	PWIP	<ul style="list-style-type: none"> i. Pendidikan ii. Latihan kemahiran iii. Aktiviti kebajikan
4	MyHawa	<ul style="list-style-type: none"> i. Aktiviti dakwah ii. Aktiviti keilmuan dan keagamaan iii. Wacana & dialog
5	NISA'	<ul style="list-style-type: none"> i. Program pembangunan insan ii. Aktiviti kebajikan iii. Aktiviti keilmuan dan keagamaan iv. Latihan kepimpinan v. Wacana & dialog
6	Wanita PERKIM	<ul style="list-style-type: none"> i. Aktiviti keagamaan ii. Aktiviti kebajikan
7	HELWA ABIM Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> i. Kempen ii. Aktiviti keilmuan dan keagamaan iii. Latihan kepimpinan iv. Wacana & dialog
8	Wanita IKRAM Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> i. Kempen ii. Latihan kepimpinan iii. Wacana & dialog
9	HALUANITA	<ul style="list-style-type: none"> i. Latihan kepimpinan ii. Wacana & dialog
10	Wanita ISMA	<ul style="list-style-type: none"> i. Latihan kepimpinan ii. Wacana & dialog
11	IMWU	<ul style="list-style-type: none"> i. Kolaborasi ii. Aktiviti keilmuan dan keagamaan iii. Penyelidikan

12	SALIMAH	<ul style="list-style-type: none">i. Kempenii. Seminar & kursusiii. Aktiviti kebajikaniv. Aktiviti keilmuan dan keagamaan
13	WAFIQ	<ul style="list-style-type: none">i. Seminarii. Penyelidikaniii. Wacana & Dialogiv. Penerbitanv. Kempenvi. Latihan

Berdasarkan Jadual 7 di atas, pelbagai pendekatan yang diguna pakai oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam dalam rangka mengetengahkan dan memperjuangkan isu-isu kewanitaan di Malaysia. Aktiviti seperti aktiviti kebajikan, aktiviti keilmuan dan keagamaan, kempen serta wacana dan dialog merupakan pendekatan yang menjadi pilihan bagi kebanyakan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam tersebut. Situasi terkini menunjukkan pendekatan wacana dan dialog menjadi pilihan utama bagi Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam berikutan pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara dan dunia. Selain itu, Jadual 7 juga menunjukkan bahawa kebanyakan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam bersifat fleksibel dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh mereka tanpa terikat dengan kategori Pertubuhan Bukan Kerajaan mereka sama ada *operational* atau *campaigning*.

KE ARAH MEMPERKASAKAN PERANAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN WANITA ISLAM DI MALAYSIA

Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam dan Isu-Isu Gender

Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita yang mendokong ideologi feminisme Barat dan Islam liberal sentiasa menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Hal ini disebabkan terdapat tuntutan mereka yang bertentangan dengan syariat Islam (Mohd Fairuz, 2015). Isu kesetaraan dan kesaksamaan gender merupakan agenda utama yang diperjuangkan oleh mereka. Mereka menuntut persamaan hak antara lelaki dan wanita dalam semua aspek (Baterah & Che Zarrina, 2006).

Selain itu, mereka juga dengan beraninya turut mengkritik perundangan Islam yang didakwa mendiskriminasi golongan wanita. Sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita iaitu Sister in Islam, contohnya mendakwa tafsiran al-Quran oleh para ulama mempunyai unsur-unsur bias gender dan merendahkan martabat golongan wanita (Muhammad Nur, 2007).

Selain itu, mereka juga menuntut untuk mengharamkan poligami, *ijab* dan *qabul* juga boleh dilakukan oleh wanita, mengkritik hukum *iddah* dan hukum *faraid* (Muhammad Ariffin, 2017). Mereka juga menyatakan bahawa al-Quran tidak pernah mewajibkan wanita untuk memakai tudung dan ia adalah pilihan peribadi seseorang (Boo, 2015). Tambahan pula, mereka juga menuntut masyarakat dan kerajaan supaya mengiktiraf wanita yang menjadi pekerja seks sebagaimana yang dilaungkan ketika perarakan bersempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia (Parti Sosialis Malaysia, 2019).

Situasi ini menunjukkan penyebaran dakwah mereka semakin kuat yang menuntut sumbangan dan peranan secara serius oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam, yang amat diperlukan bagi menangani penyebaran ideologi yang salah ini serta membersihkan syariat Islam daripada tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Setakat kini, hanya beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam sahaja yang terlibat secara aktif dalam perkara ini antaranya Wanita ISMA dan WAFIQ. Justeru, peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita juga penting dalam menengahkan isu-isu gender yang bertepatan dengan syariat Islam kepada masyarakat. Hal ini bagi memberi kefahaman kepada mereka bahawa Islam mengangkat martabat kaum wanita dan hanya dengan syariat Islam sahaja kedudukan kaum wanita benar-benar dimartabatkan (Md. Mahmudul, 2013).

Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam dan Media Baru

Media baru adalah merujuk kepada platform internet dan blog (Norazleen et. al, 2011). Melalui platform internet lahirnya media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain. Media baru ini telah dianggap sebagai kuasa besar kerana kekuatannya dalam menyampaikan mesej merentas sempadan masa dan tempat dengan kapasiti yang besar dan pantas (Fadzli et. al, 2015). Oleh sebab itu, tidak hairanlah sekiranya media baru digunakan sebagai medium dakwah dan untuk tujuan propaganda oleh pelbagai pihak (Fadzli et. al, 2015).

Merujuk kepada penggunaan media baru oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam, ternyata penggunaannya tidak diberi perhatian serius oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam. Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan terhadap lebih daripada 30 Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam, kebanyakan daripadanya mempunyai laman web dan media sosial rasmi, namun tidak dikemaskini dalam tempoh yang lama. Bahkan sebahagian daripadanya tidak mempunyai laman web dan media sosial rasmi langsung. Hanya beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita sahaja yang menguruskan laman web dan media sosial mereka dengan baik seperti 13 Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam yang menjadi sampel kajian ini. Hal ini berbeza dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita mendokong ideologi feminisme Barat dan Islam liberal. Walaupun mereka adalah kelompok terpencil, namun platform media baru digunakan oleh mereka semaksima mungkin bagi menyebarkan

ideologi mereka dan mempengaruhi masyarakat serta kerajaan. Justeru, suara-suara mereka lebih dominan dan mendapat perhatian berbanding Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam.

Oleh yang demikian, penggunaan media baru ini mesti diberi perhatian serius oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam bagi memastikan keberadaan dan sumbangan mereka diketahui dan mendapat perhatian masyarakat dan kerajaan. Selain itu, media baru juga boleh dijadikan platform kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam untuk mengekang pengaruh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita mendokong ideologi feminisme Barat dan Islam liberal.

Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam dan Permaufakatan Nasional

Permaufakatan antara Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam amat penting bagi mewujudkan impak yang lebih besar kepada agenda kewanitaan Islam di Malaysia. Tidak dinafikan inisiatif mewujudkan kolaborasi antara Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam telah digerakkan oleh pihak kerajaan dan pihak bukan kerajaan seperti Majlis Perundingan Wanita Rahmah (dahulunya Majlis Perundingan Wanita Islam Malaysia) dan Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam. Namun, sehingga kini, impaknya masih suam-suam kuku sahaja, lantaran tidak mempunyai hala tuju yang jelas. Berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap perkembangan kolaborasi tersebut, pergerakannya agak perlahan walaupun kolaborasi berkenaan terdiri daripada banyak buah Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam yang sepatutnya boleh memberikan impak yang besar. Hal ini mungkin disebabkan oleh kerjasama antara pertubuhan-pertubuhan yang berkolaborasi masih lagi rapuh. Bahkan, kewujudan Majlis Perundingan Wanita Rahmah atau MAWAR ini pada hari masih lagi menjadi tanda tanya dan kelihatannya tidak aktif lantaran perubahan kerajaan yang berlaku pada Pilihan Raya Umum ke-15 yang lalu.

Oleh yang demikian, bagi memastikan permaufakatan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam dapat berfungsi dengan baik, permaufakatan yang diwujudkan mestilah mempunyai visi dan misi yang jelas dengan meletakkan Islam sebagai asasnya. Selain itu, kerjasama yang padu antara setiap Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam juga perlu bagi menyokong dan mendokong permaufakatan tersebut.

Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam dan Latihan serta Bimbingan

Latihan dan bimbingan memainkan peranan penting bagi sesebuah organisasi. Hal ini membolehkan organisasi dapat diuruskan dengan baik dan mencapai matlamatnya. Melihat kepada situasi semasa Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki melalui latihan dan bimbingan. Antara bimbingan yang perlu diberi perhatian adalah bimbingan dari aspek kepimpinan,

pengurusan organisasi, pengurusan media, pengurusan kewangan dan lain-lain lagi. Pertubuhan-pertubuhan ini juga perlu didedahkan dengan isu-isu semasa berkaitan wanita Islam dan kaedah-kaedah mendepani serta menajwab isu-isu tersebut.

Selaku institusi yang berperanan terhadap hel ehwal agama, maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertanggungjawab untuk menyediakan latihan dan bimbingan tersebut. Antaranya pengurusan organisasi, pengurusan program, pengurusan media baru serta melahirkan pemimpin dan aktivis pelapis.

Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam dan Kewangan

Sumber kewangan merupakan elemen penting yang menggerakkan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Tanpa sokongan kewangan akan membantutkan perancangan dan pergerakan sesebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan. Walaupun pihak kerajaan menyediakan peruntukan untuk Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, namun jumlah adalah terhad kerana perlu berkongsi dengan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan yang lain.

Oleh yang demikian, dana khas perlu disediakan oleh pihak kerajaan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam bagi menjamin kelancaran operasi Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di Malaysia.

KESIMPULAN

Keberadaan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam di Malaysia sejak zaman prapenajahan Jepun sehingga kini telah memberikan pengaruh yang besar kepada pemerksaan wanita di Malaysia. Banyak isu-isu kewanitaan telah diketengahkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam dalam rangka meningkatkan martabat golongan wanita seperti pemerksaan wanita, hak-hak wanita, kebajikan wanita, kepimpinan wanita, keagamaan wanita dan pendidikan wanita. Selain itu, keberadaan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam juga turut mendatangkan manfaat kepada golongan-golongan selain wanita termasuk mereka yang bukan beragama Islam.

Dalam pada itu, terdapat beberapa aspek perlu diberi perhatian oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam dan juga pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi memperkasakan lagi peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam, iaitu menjuarai isu-isu gender, penguasaan media baru, keperluan kepada latihan dan bimbingan, mewujudkan permaufakatan nasional dan sokongan kewangan. Pemerksaan Pertubuhan Bukan Kerajaan wanita Islam penting bagi memastikan kesinambungan gerakan wanita Islam yang memartabatkan syariat Islam di Malaysia.

PENGHARGAAN

Kajian mengenai Keberadaan dan Peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam Di Malaysia merupakan sebahagian daripada hasil kajian di bawah Geran Penyelidikan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) bertajuk Analisis Hadith-Hadith Pemeraksanaan Wanita Menurut Perspektif al-Hadith dan Konteks Semasa (KIAS/40106/KRG20/004).

RUJUKAN

- Abdul Karim Zaidan. (2002). *Islam dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Azyyati Mohd Nazim et. al. (2013). Peranan NGO Islam dalam Merealisasikan Pendekatan Islam Hadhari di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 6(1), 1-12.
- Baterah & Che Zarrina Sa'ari. (2006). *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Boo, Su-Lyn. (2015). "Quran Doesn't Specify Women's Hair as 'aurat', Muslim NGO Insists as Conservative Islam Digs in". <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2015/06/22/quran-doesnt-specify-womens-hair-as-aurat-muslim-Pertubuhan-Bukan-Kerajaan-insists-as-conservative/919835>
- Fadzli Adam et. al. (2015). Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 12-23.
- Joyce M. Hawkins. (2017). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar: English-Bahasa Malaysia/Bahasa Malaysia-English* (edisi ke-6). Oxford: Oxford University Press.
- Makmor Tumin & Robi Nurhadi. (2007). "Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia". *Sejarah: Journal of the Department of History*, 15(15), 161-176
- Makmor Tumin. (2006). *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mazlan Che Soh & Makmor Tumin. (2017). "Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kesihatan di Malaysia Sehingga Tahun 2015". *Sejarah: Journal of the Department of History*, 26(2), 49-70.
- Md. Mahmudul Hasan. (2013). Islam's Encounter with Women's Rights and Feminism: The Need for Greater Engagement of Muslim Women. *International Journal of Islamic Thought*, 2, 81-94.
- Mohd Fairuz Jamaluddin. (2015). Persepsi Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Isu-Isu Gender: Satu Tinjauan di Lembah Klang. Prosiding. 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization. Kuala Lumpur.

- Muhammad Ariffin Ismail. (2017). “Gerakan Feminisme, Persamaan Gender dan Pemahaman Agama”.
<https://muftiwp.gov.my/ms/sumber/media/penerbitan/suara-pemikir/2155-gerakan-feminisme-persamaan-gender-dan-pemahaman-agama-bahagian-1?highlight=WyJmZW1pbmlzbWUiXQ==>
- Muhammad Nur Manuty. (2007). *Fenomena Pemikiran Islam Liberal dan Implikasinya kepada Kedudukan Islam dan Penganutnya di Malaysia: Beberapa Refleksi*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhidin Mulalic. (2014). Fostering of Civil Society by Muslim Women's NGOs in Bosnia and Herzegovina. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 34(4), 438-448, DOI: 10.1080/13602004.2014.984905
- Nik Safiah Karim. (1990). *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: K Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Norazleen Mohd Nor et. al. (2011). *Media Baru dan Demokrasi di Malaysia: Ke Arah Perpaduan Nasional*. Prosidang. Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional. Kuala Lumpur.
- Norshiela Md. Said & Farahwahida Mohd. Yusof. (2009). *Peranan NGO Islam Terhadap Perlaksanaan Islah dan Dakwah dalam Kalangan Masyarakat*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norsolehah Mat Razali. (2018). *Perspektif Badan Bukan Kerajaan (NGO) Wanita Islam Terhadap Hasrat Pelaksanaan Hukuman Hudud di Malaysia*. Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Osman Hamzah et. al. (1968). *Kamus Za’ba*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books.
- Parti Sosialis Malaysia. (2019). “Seruan Hari Wanita: Hentikan Keganasan, Hormati Perempuan”. <https://sosialis.net/2019/03/09/seruan-hari-wanita-hentikan-keganasan-hormati-perempuan/>
- Townsend, L., & Wallace, C. (2016). Social media research: A guide to ethics. *University of Aberdeen*, 1(16).
- Willets, P. (2002). *What is a Non-Governmental Organisation? Paperwork*. Research Project on Civil Society Networks in Global Governance. London: City University.

Media Rasmi Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Islam

Laman Web: <https://pertiwi.org.my/>

Facebook: PERTIWI Soup Kitchen

Laman Web: <https://perkiwisa.org/>

Facebook: Pertubuhan Kebajikan Ihsan Wanita Islam

Facebook: Persatuan Wanita Islam Prihatin

Facebook: Myhawa Malaysia

Laman Web: <https://www.nisamalaysia.org/>

Facebook: Nisa' Malaysia

Laman Web: <https://www.perkim.net.my/latar-belakang-wanita/>

Facebook: Wanita PERKIM Kebangsaan

Laman Web: <http://www.abim.org.my/>

Facebook: HELWA ABIM Malaysia

Laman Web: <http://wanita.ikram.org.my/>

Facebook: Wanita IKRAM Malaysia

Laman Web:

<http://www.haluan.org.my/v3/index.php/bersama-haluanita/>

Facebook: Haluanita

Laman Web: wanitaisma.net

Facebook: Wanita ISMA

Laman Web: <http://imwumalaysia.org/v1/index.php>

Facebook: IMWU Malaysia

Laman Web: <https://www.salimahmalaysia.org/>

Facebook:

Salimah: Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia

Laman Web: <http://wafiq.my/>

Facebook: WAFIQ